

## KEMUSYKILAN BERKENAAN ISU-ISU DALAM BULAN RAMADAN

1. Apa pandangan Jabatan Mufti Negeri Perak berkenaan bilangan solat sunat Tarawikh yang selayaknya dilaksanakan oleh masyarakat Islam negeri Perak?

**Jawapan:** Setelah meneliti beberapa pandangan ulama mengenai perkara ini, maka Jabatan Mufti Negeri Perak menyarankan agar digunapakai pandangan muktamad dalam mazhab Syafie iaitu bilangan rakaat solat Tarawikh ialah 20 rakaat. Hal ini berdasarkan *athar* berikut:

أنهم كانوا يقومون على عهد عمر بن الخطاب رضي الله عنه في شهر رمضان بعشرين ركعة

Bermaksud: *“Bahawasanya mereka (para sahabat) telah mendirikan (solat Tarawikh) semasa zaman al-Khalifah ‘Umar bin al-Khattab r.a. dalam bulan Ramadan sebanyak 20 rakaat.”*

(Riwayat al-Baihaqi)

Berkata al-Imam al-Syafie:

ورأيتهم بالمدينة يقومون بتسع وثلاثين وأحب إلي عشرون

Bermaksud: *“Saya lihat penduduk di Madinah menunaikannya (solat Tarawikh) sebanyak 39 rakaat dan saya suka sekiranya ia ditunaikan sebanyak 20 rakaat.”*

2. Terdapat golongan yang menyanggahi perbuatan berselawat di antara dua rakaat solat Tarawikh yang lazimnya dilaksanakan di masjid dan surau dalam negeri ini. Apakah pandangan Jabatan Mufti Negeri Perak berhubung perkara ini?

**Jawapan:** Jabatan Mufti Negeri Perak setelah menimbang hal yang sedemikian maka berpandangan seperti berikut:

1. Harus hukumnya perbuatan berselawat di antara dua rakaat solat Tarawikh namun diingatkan agar tidak menganggap amalan tersebut sebagai sunnah. Al-Imam Ibnu Hajar al-Haithamiyy telah menjelaskannya di dalam kitab *al-Fatawa al-Kubra al-Fiqhiyyah*, jilid pertama pada halaman 266:

الصلاة في هذا المحل بخصوصه لم نر فيها شيئاً في السنة ولا في كلام أصحابنا فهي بدعة ينهي عنها من يأتي بها بقصد كونها سنة في هذا المحل بخصوصه دون من يأتي بها لا بهذا القصد، كأن يقصد أنها في كل وقت سنة من حيث العموم....

Bermaksud: *“Selawat dalam kedudukan ini (solat Tarawikh) dengan dikhususkannya (menganggapnya sebagai sunnah) maka kami tidak melihat ia*

*sedemikian dalam sunnah juga menerusi kalam para sahabat. Oleh itu, sekiranya ungkapan selawat ini diqasaskan (sebagai sunnah) maka ia adalah bid'ah berbeza dengan pihak yang mengamalkannya dengan tidak mengqasaskan yang sedemikian itu. Seumpama seseorang itu menganggap bahawa berselawat adalah merupakan amalan sunnah pada setiap masa secara umum....”*

3. Apakah hari yang diharamkan ke atas umat Islam dari berpuasa dan benarkah hari yang ke 15 dan ke atas dalam bulan Syaaban turut diharamkan dari berpuasa?

**Jawapan:** Dalam setahun, umat Islam hanya diharamkan dari berpuasa pada hari-hari tertentu seperti pada Hari Raya Aidil Fitri dan Hari Raya Aidul Adha. Begitu juga ditegah berpuasa pada hari-hari Tasyrik iaitu pada 11, 12 dan 13 Zulhijjah. Terdapat juga hari yang dilarang semata-mata untuk berpuasa iaitu pada hari Jumaat. Hal ini ditegaskan menerusi hadis yang berikut:

لا يَصُومَنَّ أَحَدُكُمْ يَوْمَ الْجُمُعَةِ إِلَّا يَوْمًا قَبْلَهُ أَوْ بَعْدَهُ

Bermaksud: *“Janganlah seseorang itu berpuasa pada hari Jumaat melainkan ia berpuasa sehari sebelumnya atau selepasnya.”*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Manakala berpuasa selepas dari 15 Syaaban adalah tidak dibenarkan terutama bagi golongan yang tidak pernah berpuasa sunat sebelum tarikh tersebut. Namun, bagi golongan yang melazimkan dirinya berpuasa pada hari Isnin dan Khamis maka ia boleh meneruskan hasratnya untuk berpuasa setelah 15 Syaaban. Begitu juga diharuskan bagi individu yang telah bernazar untuk berpuasa pada tarikh itu atau yang hendak menyelesaikan puasa qada' Ramadan yang lalu.

Manakala 30 Syaaban merupakan hari Syak yang turut diharamkan berpuasa. Hal ini dibimbangi sama ada pada tarikh tersebut ia masih dianggap dalam bulan Syaaban atau telah masuk bulan Ramadan.

4. Adakah boleh bagi orang yang berpuasa memakai alat perangsang untuk memudahkan pembuangan air besar disebabkan alasan sakit?

**Jawapan:** Harus hukumnya bagi orang yang berpuasa untuk memakai alat perangsang pembuangan air besar disebabkan faktor keuzuran dan darurat. Jika dilakukan tanpa faktor yang berkenaan maka puasanya terbatal. Demikian juga, sekiranya seseorang itu memasukkan jari tangannya ke dalam kemaluannya dengan sengaja bukan atas faktor keuzuran dan darurat maka batallah puasanya.

5. Bolehkah seseorang wanita mengambil pil bagi menahan haid agar dapat berpuasa sepanjang bulan Ramadan?

**Jawapan:** Harus hukumnya mengambil pil bagi menahan haid bagi membolehkannya berpuasa dalam bulan Ramadan dengan syarat hendaklah mendapatkan nasihat daripada doktor Muslim yang dipercayai di samping memastikan bahawa pil berkenaan tidak memberi kesan mudarat terhadap kesihatan.

6. Adakah boleh solat Witir tiga rakaat ditunaikan dengan satu salam?

**Jawapan:** Harus hukumnya menunaikan solat Witir tiga rakaat dengan satu salam. Walau bagaimanapun, memisahkannya dengan dua salam (dua rakaat dan satu rakaat) adalah afdal menurut pandangan al-Imam al-Nawawi. Beliau menyatakan demikian di dalam kitab *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawiyy*, jilid enam pada muka surat 28 hingga 29:

وأنه يجوز جمع ركعات بتسليمة واحدة. وهذا لبيان الجواز وإلا فالأفضل التسليم من كل ركعتين، وهو المشهور من فعل رسول الله صلى الله عليه وسلم وأمره بصلاة الليل مثنى مثنى

Bermaksud: *"Bahawa hukumnya adalah harus dengan menghimpunkan jumlah rakaat (solat Witir) dengan satu salam. Jika tidak maka afdal (lebih utama) didirikan sebanyak dua rakaat masing-masing dengan satu salam. Ia adalah pandangan yang masyhur berdasarkan perbuatan Rasulullah SAW yang telah mengarahkan agar solat malam dikerjakan dengan dua rakaat."*

7. Adakah bersahur merupakan syarat sah puasa?

Jawapan: Bersahur hukumnya adalah sunat. Ia berasaskan galakan Rasulullah SAW agar bersahur sepertimana hadis yang berikut:

تَسَحَّرُوا فَإِنَّ فِي السُّحُورِ بَرَكَهً

Bermaksud: *"Bersahurlah kamu semua, sesungguhnya pada amalan sahur itu terdapat keberkatan."*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Al-Imam al-Nawawi telah memberikan penjelasan berhubung hadis di atas di dalam kitab *al-Manhaj fi Syarh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*, jilid tujuh pada muka surat 291:

فيه الحث على السحور، وأجمع العلماء على استحبابه وأنه ليس بواجب. وأما البركة التي فيه فظاهرة، لأنه يقوى على الصيام، وينشط له، وتحصل بسببه الرغبة في الازدياد من الصيام لخفة المشقة فيه على المتسحر. فهذا هو الصواب المعتمد في معناه. وقيل: لأنه يتضمن الاستيقاظ والذكر والدعاء في ذلك الوقت الشريف وقت تنزل الرحمة وقبول الدعاء والاستغفار.

Bermaksud: "Pada hadis ini menunjukkan galakan untuk bersahur. Ulama' telah bersepakat bahawa bersahur itu sunat dan digalakkan dan ia bukanlah wajib. Namun pada zahirnya, terdapat berkat dalam sahur itu kerana ia menguatkan dan memberi semangat untuk berpuasa, menjadikannya sebab dan galakan untuk menambahkan puasa disebabkan keringanan beban bagi orang yang telah bersahur. Ia merupakan pandangan yang tepat serta muktamad pada maknanya. Dan dikatakan: ditambah pula dengan perbuatan bangun, berzikir, berdoa pada waktu yang mulia, iaitu waktu diturunkan rahmat, dimaqlbulkan doa dan istighfar."

Oleh itu, bersahur bukanlah syarat sah puasa. Walau bagaimanapun, puasa seseorang itu adalah sah walaupun ia tidak bersahur.

8. Kedapatan dalam bulan Ramadan ini, pelbagai isu semasa yang timbul sehingga mengundang pelbagai komentar di kalangan netizen. Malangnya, terdapat segelintir di kalangan netizen yang bukan sahaja memberikan komentar yang negatif malah sehingga mengaibkan diri seseorang. Apakah pandangan Islam berhubung keadaan ini?

**Jawapan:** Islam merupakan agama yang menjaga hak individu dan masyarakat. Selagimana hak-hak itu tidak melampaui batas-batas yang telah ditetapkan oleh syarak maka ia wajib dipelihara. Salah satu darinya ialah hak untuk bersuara. Dalam Islam, seseorang dibenarkan untuk bersuara dalam beberapa aspek tertentu, antaranya:

1. Menyeru ke arah perkara kebaikan dan mencegah keburukan. Firman Allah SWT dalam surah Ali 'Imran ayat 104:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Bermaksud: "Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah

(buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.”

Sabda Rasulullah SAW:

من رأى منكم منكرا فليغيره بيده ، فإن لم يستطع فبلسانه ، فإن لم يستطع فبقلمه ،  
وذلك أضعف الإيمان

Bermaksud: “Barangsiapa di kalangan kamu melihat kemungkaran hendaklah mengubah dengan tangannya, jika tidak mampu, maka dengan lidahnya dan jika tidak mampu, maka dengan hatinya dan demikian itu adalah selemah-lemah iman.”

(Riwayat Muslim)

2. Menyatakan kebenaran dan menolak kebatilan. Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 81:

وَقُلْ جَاءَ الْحَقُّ وَزَهَقَ الْبَاطِلُ ۗ إِنَّ الْبَاطِلَ كَانَ زَهُوقًا

Bermaksud: “Dan katakanlah: "Telah datang kebenaran (Islam), dan hilang lenyaplah perkara yang salah (kufur dan syirik); sesungguhnya yang salah itu sememangnya satu perkara yang tetap lenyap".”

Sabda Rasulullah SAW:

قُلِ الْحَقُّ ، وَلَوْ كَانَ مُرًّا

Bermaksud: “Berkatalah benar walaupun ia pahit.”

(Riwayat al-Imam Ahmad)

Walau bagaimanapun, hak bersuara ini hendaklah dilaksanakan menurut adab-adabnya iaitu:

1. Tidak bersuara dalam perkara-perkara yang tidak memberi sebarang faedah sama ada kepada individu, masyarakat dan agama. Firman Allah SWT dalam surah al-Mukminun, ayat 3:

وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ

Bermaksud: “Dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia.”

Sabda Rasulullah SAW:

من حُسنِ إسلامِ المرءِ تركُهُ ما لا يعنيه

Bermaksud: “Antara yang menunjukkan keelokan Islam adalah dengan meninggalkan perkara-perkara yang tidak mendatangkan faedah untuk dirinya.”

(Riwayat al-Tirmizi)

2. Tidak membincangkan perkara-perkara yang diharamkan atau yang bercanggah dengan syariat Islam. Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 114:

لَا خَيْرَ فِي كَثِيرٍ مِّن نَّجْوَاهُمْ إِلَّا مَنْ أَمَرَ بِصَدَقَةٍ أَوْ مَعْرُوفٍ أَوْ إِصْلَاحٍ بَيْنَ النَّاسِ  
وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا

Bermaksud: “Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisik-bisikan mereka, kecuali (bisik-bisikan) orang yang menyuruh bersedekah, atau berbuat kebaikan, atau mendamaikan di antara manusia. Dan sesiapa yang berbuat demikian dengan maksud mencari keredaan Allah, tentulah Kami akan memberi kepadanya pahala yang amat besar.”

3. Hendaklah menjauhkan diri dari mengeluarkan kata-kata kesat yang berbau penghinaan, cemuhan dan yang seumpamanya yang dikhuatiri boleh menimbulkan permusuhan sesama manusia di samping kerosakan lain yang akan timbul. Hal ini bersandarkan kepada sabda Rasulullah SAW:

لَيْسَ الْمُؤْمِنُ بِالطَّعَّانِ وَلَا اللَّعَّانِ وَلَا الْفَاحِشِ وَلَا الْبَذِيءِ

Maksud: “Seorang Mukmin yang sempurna imannya bukanlah seorang pengutuk, pelaknat, pelaku perkara-perkara keji dan bukan juga seorang yang bercakap kotor.”

(Riwayat al-Tirmizi)

Walaupun hak bersuara dibenarkan, namun amat perlu menitik beratkan akhlak dalam tingkah laku dan percakapan kerana ia boleh membawa kepada terbatalnya

pahala puasa dan perbuatan yang sia-sia. Hal ini ditegaskan menerusi sabda Rasulullah SAW:

مَنْ لَمْ يَدَعْ قَوْلَ الزُّورِ وَالْعَمَلَ بِهِ وَالْجَهْلَ فَلَيْسَ لِلَّهِ حَاجَةٌ فِي أَنْ يَدَعَ طَعَامَهُ وَشَرَابَهُ

Bermaksud: “Barangsiapa yang tidak meninggalkan perkataan keji (dusta) serta mengamalkannya, maka Allah tidak berhajat orang itu meninggalkan makan dan minumannya”

(Riwayat al-Bukhari)